



## KENYATAAN AKHBAR PENGARAH KESIHATAN NEGERI KELANTAN

### SEMPENA HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA 2020

Hari Keselamatan Makanan Sedunia disambut setiap **7 Jun** setiap tahun. Pada tahun ini, sambutan hari ini diadakan dalam situasi norma baru disebabkan pandemik COVID-19. Tema pada tahun ini ialah "**Keselamatan Makanan di Pasar**", di mana sumber utama bekalan bahan-bahan mentah diperolehi. Keselamatan makanan haruslah dijaga di sepanjang rantaian makanan iaitu bermula dari bahan mentah, sehingga dihidangkan di meja makan agar makanan yang disediakan bersih, selamat dan juga sihat.

Selari dengan tagline "Keselamatan Makanan Tanggungjawab Bersama" semua pihak memainkan peranan bagi memastikan makanan yang dihasilkan adalah selamat. Hari Keselamatan Makanan Sedunia mengingatkan semua pihak termasuk pihak berkuasa, petani, pengeluar, penjual dan pengguna mengenai pentingnya keselamatan makanan dan peranan yang boleh dimainkan supaya masyarakat sentiasa yakin dengan makanan yang dimakan setiap hari.

Sehubungan itu, penjual di pasar haruslah sentiasa menjaga kebersihan diri, kebersihan tempat jualan di pasar serta kerap mencuci tangan dengan bersih, disamping mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini. Selaras dengan norma baharu, sanitasi premis jualan dan penyediaan makanan juga harus kerap dijalankan.

Sebagai pengguna, kita mempunyai tanggungjawab untuk memilih makanan yang bersih dan selamat semasa melakukan pembelian. Bertepatan dengan tema pada tahun ini "Keselamatan Makanan di Pasar", selepas pulang daripada membeli barang dipasar, kita perlu pastikan sentiasa mengamalkan cuci tangan dengan sabun sebelum menyediakan makanan, basuh sayur dan buah sebelum makan, simpan makanan mudah rosak dalam peti sejuk dan masak makanan dengan sempurna.

Ingatlah bahawa keselamatan makanan, adalah tanggungjawab bersama.

**DATO' DR. ZAINI BIN HUSSIN**  
**PENGARAH KESIHATAN NEGERI KELANTAN**  
**7 JUN 2020**